

NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]

TARIKH JAWAPAN : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bagaimana Kerajaan memilih mereka yang hendak menjana tenaga solar untuk dijual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Bagaimanakah harga elektrik solar yang dijual kepada TNB ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan penggunaan tenaga solar bagi penjanaan elektrik iaitu program *Feed-in Tariff (FiT)*, *Large Scale Solar (LSS)* dan *Net-Energy Metering (NEM)*.
2. Bagi program FiT, pemilihan pemaju projek adalah berdasarkan proses undian mengikut kuota tahunan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Harga yang ditawarkan adalah mengikut jadual FiT yang termaktub dalam peraturan dan kaedah di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011.
3. Bagi projek-projek LSS yang berkapasiti 1MW sehingga 50 MW, pemilihan pemaju adalah berdasarkan bidaan terbuka dan harga yang ditetapkan adalah mengikut harga terendah yang ditawarkan oleh pembida.

4. Bagi projek-projek NEM pula, ia terbuka kepada semua pengguna elektrik domestik, komersil dan industri yang berhasrat untuk mencari kaedah alternatif bagi mengurangkan bil elektrik. Skim NEM adalah berdasarkan kuota yang ditawarkan mengikut prinsip *first come first serve* bertujuan untuk menggalakkan pengguna-pengguna menjana tenaga lektrik daripada tenaga solar dan menggunakannya untuk kegunaan sendiri. Lebihan tenaga elektik yang dijana akan dijual kepada TNB dengan kadar 31sen/kWj bagi voltan rendah dan 21sen/kWj bagi voltan tinggi.

Sekian, terima kasih
